

MIC Pusat sahkan tindakan ke atas Naib Presidennya

KUALA LUMPUR, Ahad — Jawatankuasa Kerja Pusat MIC yang bermesyuarat hari ini sebulat suara mengesahkan penggantungan keahlian Naib Presidennya, Encik V. Govindaraj dan Pengerusi MIC Batu Caves, Encik R. Narayanansamy selama 12 bulan.

Jawatankuasa itu juga mengesahkan pemecatan Pengerusi MIC Cawangan Jalan Pekeliling, Encik Y. Thomas dan menarik balik pengantungan Bendahari MIC Selangor, Encik M. Shanmugam.

Menolak rayuan

Keputusan itu diumumkan oleh Presiden MIC, Datuk Samy Vellu selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu selama lapan jam mulai jam 9.30 pagi tadi di ibu pejabat MIC di sini.

Keempat orang yang dikenakan tindakan telah dipanggil ke mesyuarat itu seorang demi seorang dan jawatankuasa itu telah menolak rayuan Encik Govindaraj yang juga Ahli Parlimen kawasan Pelabuhan Kelang, Encik Narayanansamy dan Encik Y. Thomas.

Encik Govindaraj digantung keahliannya sejak 26 Mac lalu kerana bertindak bertentangan dengan kepentingan parti.

Sejak awal pagi lagi, kira-kira 200 orang penyokong Encik Govindaraj, ahli-ahli MIC serta pemerhati-pemerhati berkumpul di depan ibu pejabat MIC dan beberapa penyokong Encik Govindaraj membawa sepanduk-sepan-

duk menggesa Datuk Samy Vellu menarik balik pengantungan Naib Presiden itu.

Datuk Samy Vellu berkata, jawatankuasa itu telah menyiasat kes tiga ahli yang digantung dan seorang yang dipecat itu dan dibincangkan dalam suasana mesyuarat yang baik dan harmoni.

Bagaimanapun, Encik Govindaraj yang menemui jawatankuasa itu selama tiga jam diberi kata putus sama ada hendak kekal sebagai ahli Barisan Nasional atau sebaliknya.

Beliau juga diberi peluang supaya berkela-kuan baik untuk selama beberapa tempoh sebelum Presiden MIC membuat keputusan sama ada menarik balik pengantungannya sebelum tempoh 12 bulan ini atau menunggu hingga tempoh pengantungan tamat.

Datuk Samy Vellu berkata, beliau akan meneliti kelakuan Encik Govindaraj dan terpulang kepadanya untuk memenuhi syarat-syarat jawatankuasa itu.

Ditarik balik

Beliau juga mengesahkan, Bendahari MIC Selangor yang ditarik balik pengantungannya mulai hari ini akan menjalankan tugas-tugasnya seperti biasa dan membantu pihak audit menyelesaikan masalah akuan MIC Selangor.

Datuk Samy Vellu berkata, keempat mereka ini akan diberi surat pada jam 11 pagi esok di ibu pejabat MIC mengenai keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat MIC.